

MENYINGKAP 2015

Pemergian bapa pengasas negara ini hingga pemilihan pasukan pemimpin yang akan membawa Singapura ke hadapan melebihi SG50. Tahun Jubli Emas Kota Singa ini diwarnai pelbagai peristiwa membanggakan, memilukan, mengejutkan dan memberi harapan yang menyatukan warga dalam suka dan duka. Sebelum tahun ini menutup tirainya, **ERVINA MOHD JAMIL** (ervinamj@sph.com.sg) menyingkap berita yang mewarnai halaman akhbar ini sepanjang tahun.



JANUARI

Nahas pesawat AirAsia QZ8501

Usaha mencari mangsa pesawat yang terhempas dalam perjalanan ke Singapura dari Surabaya pada 28 Disember 2013 diteruskan sehingga 106 mayat mangsa ditemui. Pesawat tersebut membawa 162 orang.


FEBRUARI

PM Lee hidap barah prostat

Perdana Menteri Lee Hsien Loong menjalani pembedahan bagi mengeluarkan kelenjar prostatnya.



M A C



Perdana Menteri Pengasas Lee Kuan Yew meninggal dunia

Mendiang Encik Lee menghembuskan nafas terakhirnya pada usia 91 tahun, pada 23 Mac selepas dimasukkan ke Hospital Besar Singapura (SGH) kerana menghadapi radang paru-paru serius pada 21 Februari. Jenazahnya diletak di Bangunan Parlimen bagi warga dan pemimpin dunia memberi penghormatan. Ini ikuti dengan perarakan jenazah yang mengakhiri Penghormatan Negara bagi Bapa Singapura moden itu pada 29 Mac sebelum beliau disemadi.

Masjid Yusof Ishak

Upacara simbolik pecah tanah di tapak Masjid Yusof Ishak di Woodlands, yang dijangka siap menjelang lewat tahun depan.



Pelajar madrasah tidak perlu bayar yuran peperiksaan nasional

Pemerintah mengumumkan bahawa semua pelajar madrasah tidak lagi perlu membayar yuran peperiksaan nasional.



A P R I L



Dua menteri Melayu dalam Kabinet

Buat pertama kali, terdapat dua Menteri Melayu/Islam dalam Kabinet menyusuli kenaikan pangkat Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad menjadi Menteri penuh. Seorang lagi Menteri Melayu/Islam dalam kabinet adalah Dr Yaacob Ibrahim.

Cikgu Naim meninggal dunia

Guru pakar bahasa Melayu pertama Singapura, Cikgu Mohamed Naim Daipi, meninggal dunia selepas mengalami kesukaran bernafas pada usia 64 tahun di hospital Brunei semasa menghadiri sidang di sana.




Masjid Al-Ansar dibuka semula

Masjid Al-Ansar di Bedok dibuka semula kepada jemaah selepas hampir tiga tahun menjalani kerja naik taraf sejak 2012.

M E I

Lulusan madrasah masuk sekolah perubatan NUS buat kali pertama

Cik Amalina Ridzuan, 22 tahun, dan Encik Ahmad Abdurrahman Hanifah Marican, 20 tahun, menemai sejarah menjadi bekas pelajar madrasah pertama ditawarkan tempat di Sekolah Perubatan Yong Loo Lin, Universiti Nasional Singapura (NUS).



Projek HSR

Perdana Menteri Lee Hsien Loong mengumumkan terminal di Singapura bagi projek kereta api kelajuan tinggi (HSR) ke Kuala Lumpur akan dibina di Jurong East selepas pertemuan Rahat Pemimpin bersama rakan sejawatannya dari Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak, di sini.



Gempa bumi Nepal

Misi sebuah kumpulan pendaki tanah air, Aluminaid Team Singapura Everest, menawan Gunung Everest bagi meraikan ulang tahun Singapura yang ke-50 terpaksa dibatalkan apabila gempa bumi sekuat 7.8 pada skala Richter melanda Nepal pada 25 April sehingga menyebabkan runtuh salji di gunung itu.

Belia radikal - 1 ditangkap, 1 lagi ditahan

Kementerian Ehsal Dalam Negeri (MHA) mengumumkan penahanan M Arifil Azim Putra Norja'i, 19 tahun, yang merancang serta ISIS dan melancarkan serangan ganas di Singapura. Seorang lagi remaja 17 tahun ditangkap untuk siasatan lanjut bagi menentukan tahap radikalnya.

JUN

Sukan SEA

Singapura menjadi tuan rumah kepada Sukan SEA yang ke-28 selepas 22 tahun. Acara ini berlangsung dari 5 hingga 16 Jun. Singapura berjaya memungut 259 pingat - 84 emas, 73 perak dan 102 gangsa.



Artis pertama Singapura terima anugerah Jepun

Pakar tembikar Iskandar Jalil menjadi artis Singapura pertama menerima pingat Order of the Rising Sun, Gold Rays with Rosette oleh kerajaan Jepun bagi mengiktiraf sumbangannya dalam pertukaran budaya dan memupuk persefahaman menerusi seni tembikar antara Jepun dengan Singapura.



Kebun Bunga diisytihar Tapak Warisan Dunia

Kebun Bunga Singapura yang berusia 156 tahun diumumkan sebagai Tapak Warisan Dunia Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco).

413,000 penumpang terjejas apabila khidmat dua laluan utama MRT tergendala

Ratusan ribu penumpang terjejas selepas khidmat dua laluan utama MRT - Utara-Selatan dan Timur-Barat (NSEWL) - tergendala pada waktu sibuk sebelah malam.



Gempa bumi Sabah

Seramai tujuh murid dan dua guru Sekolah Rendah Tanjong Katong terkorban apabila gempa bumi melanda Sabah semasa mereka mengadakan ekspedisi kembara ke Gunung Kinabalu. Mereka merupakan antara 20 murid dan lapan guru yang mendaki gunung itu bagi satu program pembelajaran luar negara. Selain itu, seorang pemandu kembara warga Singapura yang menemani kumpulan murid dan guru itu, Allahyarham Muhammad Daanish Amran, turut terkorban.



Bekas AP dihadapkan semula ke mahkamah selepas menghilangkan diri

Bekas presiden Kongres Kesatuan Sekerja Kebangsaan (NTUC) dan Anggota Parlimen (AP), Phey Yew Kok, 81 tahun, yang melarikan diri daripada undang-undang selama 35 tahun dihadapkan semula ke mahkamah bagi menjawab tuduhan yang dihadapinya pada 1979 termasuk pecah amanah melibatkan \$83,000.

OGOS

ISEAS-Institut Yusof Ishak

Nama Institut Pengajian Asia Tenggara (ISEAS) yang diasaskan tiga tahun selepas kemerdekaan Singapura ditukar menjadi ISEAS-Institut Yusof Ishak mulai 12 Ogos, pada hari ulang tahun ke-105 Allahyarham. Penamaan semula Iseas sempena nama Allahyarham salah satu daripada tiga penghormatan untuk beliau yang diumumkan Perdana Menteri Lee Hsien Loong dalam Rapat Hari Kebangsaan tahun lalu.

Istana Kampong Gelam monumen negara

Istana Kampong Gelam, bangunan berusia lebih 170 tahun yang kini menempatkan Taman Warisan Melayu, diwartakan sebagai monumen negara pada 6 Ogos.



Anugerah Jauhari Berita Harian 2015

Presiden Majlis Ugama Islam Singapura (Muis), Encik Mohammad Alami Musa, menerima Anugerah Jauhari Berita Harian tahun ini atas dedikasinya berbakti kepada masyarakat dalam masa-masa yang mencabar. Anugerah Jauhari Harapan yang mengiktiraf pencapaian individu Melayu/Islam 30 tahun ke bawah disampaikan kepada dua pelajar madrasah pertama yang ditawarkan tempat di sekolah perubatan Universiti Nasional Singapura (NUS) - Cik Amalina Ridzuan, 22 tahun, dan Encik Ahmad Abdurrahman Hanifah Marican, 20 tahun. Anugerah Jauhari Perintis bagi mengiktiraf sumbangan tiga warga perintis dalam bidang bahasa, seni dan agama pula diberi kepada sasterawan Melayu, Dr Muhammad Ariff Ahmad; mantan Mufti, Sheikh Syed Isa Semait; dan pelukis batik tersohor, Encik Sarkasi Said.



SEPTEMBER

Pilihan Raya Umum 2015

Parti pemerintah Parti Tindakan Rakyat (PAP) menang besar di luar jangkaan dengan meraih hampir 70 peratus undi dalam pilihan raya umum bersejarah pada 11 September, dengan semua kerusi dipertanding buat kali pertama sejak Singapura merdeka 50 tahun lalu.



OKTOBER

2 belia radikal sendiri ditahan

Kementerian EHWal Dalam Negeri (MHA) mengumumkan penahanan dua warga Singapura, Muhammad Shamin Mohamed Sidek, 29 tahun, dan Muhammad Harith Jailani, 18 tahun, yang menjadi radikal secara sendiri di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).



SAF, SCDF bantu padam api dan atasi jerebu di Indonesia

Seramai 40 pegawai Angkatan Bersenjata Singapura (SAF) dan Pasukan Pertahanan Awam Singapura (SCDF) dikerah bagi menghadapi misi sukar memadamkan api di Palembang, Indonesia, yang menyebabkan jerebu di rantau ini.

Perbincaraan kes bunuh Kovan bermula

Perbincaraan kes bekas pegawai polis, Iskandar Rahmat, yang didakwa membunuh sepasang bapa dan anak di Kovan pada 2013 bermula.



Jangkitan Hep C di SGH

Hospital Besar Singapura (SGH) mengumumkan bahawa 22 pesakit ginjal yang dirawat di hospital itu dijangkiti virus Hepatitis C, dengan lapan daripadanya meninggal dunia dan lima daripada kematian itu mungkin mempunyai kaitan dengan jangkitan tersebut. Kementerian Kesihatan (MOH) telah meminta maaf dan mengarah penubuhan Jawatankuasa Semakan Bebas untuk menyiasat kes itu.



NOVEMBER

Galeri Nasional Singapura dibuka

Muzium terbaru negara ini, yang ditempatkan di bangunan lama Mahkamah Agung dan Dewan Bandaraya, dibuka kepada orang ramai.

MediShield Hayat

3.9 juta penduduk Singapura meraih manfaat MediShield Hayat yang menggantikan MediShield. Skim insurans nasional sepanjang hayat itu memberi lebih perlindungan kepada penduduk.

Sukan Para Asean

Singapura menganjurkan Sukan Para Asean Ke-8 buat kali pertama. Ini juga merupakan kali kedua dalam setahun Singapura menganjurkan temasya sukan besar menyusuli kejayaan menganjur Sukan SEA Ke-28.



Keputusan kes bunuh Kovan

Bekas pegawai polis, Iskandar Rahmat, yang didakwa membunuh sepasang bapa dan anak di Kovan pada 2013 dijatuhi hukuman mati.

